



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

**“MAJLIS PERASMIAN JALAN BARU DI JALAN
MOHD SAAD”**

26 DISEMBER 2017 (SELASA)

9:30 PAGI

BERTEMPAT DI JALAN MOHD SAAD, BUTTERWORTH

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan media

Semua hadirin dan hadirat sekalian

YB Tuan/ Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan YB Tuan Lim Hock Seng serta semua

yang hadir ke Majlis Perasmian Jalan Baru, di Jalan Mohd Saad, Butterworth Seberang Perai Utara.

Untuk makluman semua, pelaksanaan pembinaan jalan baru ini adalah bagi melebarkan jalan pintasan sedia ada yang menghubungkan Jalan Mohd Saad dan Lorong Ceri. Pelebaran jalan baru ini kepada dua (2) lorong sepanjang 350 meter dengan kelebaran 7 meter bertujuan memudahkan perjalanan dan urusan penduduk di sekitar Taman Riang dan Taman Mohd Saad. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kos RM344,060. Tujuan projek ini dilaksanakan ialah bagi melancarkan aliran trafik dengan menghubungkan antara dua (2) taman iaitu penduduk Taman Riang dan Taman Mohd Saad, memendekkan tempoh masa perjalanan bagi penduduk setempat dan memberi keselesaan kepada penduduk setempat dengan sistem infrastruktur yang baru. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Memandangkan jalan ini menghubungkan antara dua (2) taman perumahan dan terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kwang Hwa Butterworth disekitarnya, saya juga ingin mengesyorkan agar jalan ini juga boleh digunakan sebagai jalan laluan berbasikal bagi menggalakkan penduduk setempat menjadikan aktiviti berbasikal

amalan harian. Disamping untuk menjaga kesihatan tubuh badan, secara tidak langsung ianya dapat memelihara alam sekitar daripada asap-asap kenderaan. Ini merupakan salah satu langkah untuk ke arah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Sebelum ini, terdapat satu jalan pintas yang telah dibina iaitu Jambatan Konkrit melintasi Parit Monsun Sedia Ada di Jalan Pangsapuri Emas, Seksyen 2, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara. Jalan pintas ini dibina bagi memudahkan penduduk di kawasan Pangsapuri Emas dan Taman Melur untuk berulang alik untuk mengambil anak sekolah dan sebagainya. Selain itu, ia juga dapat memendekkan tempoh masa perjalanan bagi penduduk sekitar memandangkan orang awam tidak perlu melalui Jalan Raja Uda. Disamping itu, ia juga dapat mengurangkan kapasiti kenderaan yang menggunakan Jalan Raja Uda. Projek ini telah siap dibina pada tahun 2015 dengan kos RM195,137.50 yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP sentiasa mengamalkan pendekatan *people centric* dengan memberi penekanan terhadap kemudahan dan keselesaan penduduk. **“Seberang Perai Is For All”**

jelas menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dan MPSP dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua *stakeholders*.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan perasmian Jalan Baru di Jalan Mohd Saad, Seberang Perai Utara. Buat YAB Ketua Menteri, YB Tuan Lim Hock Seng dan semua yang hadir pada hari ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018. Semoga tahun 2018 akan memberi semangat baru buat kita semua untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik buat masyarakat.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.